



12 MAY, 2025

Fama Kelantan agih 9,300kg kelapa segar kepada pemborong, pengusaha santan

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Kota Bharu: Sebanyak 9,300 kilogram (kg) kelapa segar akan diagihkan kepada pemborong dan pengusaha santan di sekitar negeri ini, bermula semalam.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan, Wan Faizatul Aniza Ismailiyatin berkata, kelapa itu akan diagihkan menerusi Pusat Operasi Fama Machang dan Kota Bharu.

Katanya, ini berikutan,

Fama Kelantan agih 9,300kg kelapa segar kepada pemborong, pengusaha santan

Fama Kelantan menerima bekalan daripada Pusat Operasi Fama Dengkil, Selangor yang berperanan sebagai pusat intervensi pemasaran dan pengedaran produk segar.

"Pasaran kelapa di bawah kendalian Fama Ke-

lantan tertumpu kepada pemborong dan pengusaha santan di sekitar negeri itu.

"Kelapa segar berkenaan diagih dengan harga jualan borong RM2.90 sekilogram.

"Pengambilan bekalan

dari Pusat Operasi Dengkil dilakukan sekali seminggu tertakluk kepada permintaan semasa dan ketersedaian stok di pusat itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, langkah itu

pada usaha berterusan Fama dalam memastikan kelangsungan bekalan kelapa segar kepada pemain industri hilir di Kelantan sejajar dengan matlamat memperkuat rantaian bekalan agromakanan negara.

Katanya, bekalan berkenaan dapat menampung keperluan kelapa di negeri itu.

"Usahawan yang mahu mendapatkan bekalan boleh menghubungi pusat operasi Fama Kota Bharu," katanya.



12 MAY, 2025

Fama Kelantan agih 9,300kg kelapa segar kepada pemberong, pengusaha santan

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Bharu: Sebanyak 9,300 kilogram (kg) kelapa segar akan diagihkan kepada pemberong dan pengusaha santan di sekitar negeri ini, bermula semalam. Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan, Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, kelapa itu akan diagihkan menerusi Pusat Operasi Fama Machang dan Kota Bharu. Katanya, ini berikutan,

Fama Kelantan menerima bekalan daripada Pusat Operasi Fama Dengkil, Selangor yang berperanan sebagai pusat intervensi pemasaran dan pengedaran produk segar.